

01 FEB 2003

Lim-Kabinet/I

SELURUH KABINET MESTI BERUNDUR BERSAMA DR M, KATA KENG YAIK

KUALA LUMPUR, 1 Feb (Bernama) -- Seluruh Kabinet mesti meletakkan jawatan apabila Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berundur pada Oktober ini, kata presiden Gerakan Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik hari ini.

Beliau berkata, ini adalah amalan dan proses lazim Parlimen untuk membolehkan peralihan kuasa secara lancar dan juga sebagai tanda muhibah.

"Terpulang kepada Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi (yang akan menggantikan Dr Mahathir) untuk melantik semula ataupun membuat perantikan baru anggota-anggota Kabinet," kata beliau kepada pemberita selepas majlis rumah terbuka Tahun Baru Cina Gerakan di ibu pejabat parti di sini, hari ini.

Majlis Rumah Terbuka itu dihadiri oleh Dr Mahathir, isterinya Datuk Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Abdullah, beberapa Menteri Kabinet, anggota-anggota kor diplomatik dan lebih daripada 5,000 tetamu dari semua lapisan masyarakat.

Lim berkata perletakan jawatan semua Menteri Kabinet akan membolehkan Abdullah membuat pilihan barisan Kabinetnya dengan bebas.

"Sebagai Perdana Menteri Malaysia yang baru, Pak Lah (Abdullah) mempunyai kuasa untuk menentukan siapa yang beliau mahu lantik...walaupun Barisan Nasional mengamalkan semangat rundingan kuasa sebenar untuk melantik seseorang Menteri terletak padanya," kata beliau.

Lim yang juga Menteri Perusahaan Utama berkata, jika Abdullah mahu mengekalkan barisan anggota Kabinet yang sedia ada, maka beliau perlu melantik semula kesemua Menteri terbabit selepas mereka meletakkan jawatan, dan satu majlis angkat sumpah perlu diadakan selepas itu.

"Ia semata-mata amalan dan proses lazim Parlimen. Ia bukan sesuatu yang baru. Ia pernah diamalkan sebelum ini. Perletakan jawatan itu bertujuan memberi mandat baru kepada Pak Lah," katanya.

Dr Mahathir semasa Perhimpunan Agung Umno pada Jun lepas membuat pengumuman mengejut bahawa beliau akan bersara berkuatkuasa serta-merta tetapi selepas dipujuk oleh pemimpin-pemimpin lain Umno diketuai oleh Abdullah, beliau bersetuju untuk kekal bagi satu tahun lagi.

Perdana Menteri beberapa kali telah berkata bahawa Abdullah akan memimpin Umno dan kerajaan selepas beliau bersara daripada politik aktif.

Sementara itu bercakap mengenai perpaduan kaum di negara ini, Lim berkata perayaan seperti Tahun Baru Cina boleh menjadi medium untuk mengeratkan hubungan antara kaum.

"Kita memerlukan perpaduan di kalangan pelbagai kaum di negara ini memandangkan kita hidup di sebuah negara majmuk dan mana-mana satu kaum sahaja tidak boleh membawa kemakmuran dan keamanan bagi semua," katanya.

Lim berkata pada tahun lepas negara mengharungi pelbagai cabaran, dalam ekonomi mahupun politik dan berharap tahun kambing ini adalah lebih baik.

Mengenai keamanan dunia, beliau berkata Amerika harus membuang "ancaman perang" mereka memandangkan dunia percaya keamanan adalah kaedah paling baik dalam menyelesaikan apa-apa masalah atau perbezaan yang timbul.

Mengenai Singapura, beliau berkata pemimpin kedua-dua negara harus menyedari kata-kata yang boleh mencetuskan sesuatu yang tidak diinginkan, tidak harus dikatakan di khalayak umum.

-- BERNAMA

SR KHY PR